

## Nik Mohamad Alis Anak Yatim Piatu antara 4063 Pelajar Baharu UPSI

Tanjong Malim, 27 September -

Seramai 4063 pelajar baharu Universiti Pendidikan Sultan Idris ( UPSI) ambilan Oktober mula mendaftar kelmarin dan hari ini bersama keluarga masing-masing dari seluruh negara.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff mengucapkan tahniah kepada semua calon yang berjaya melanjutkan pengajian di universiti pendidikan tersohor tanah air itu.

"Harapan saya semua pelajar memberi fokus kepada komitmen membina ilmu dan meningkatkan pelbagai kemahiran sebagai persiapan menjadi pendidik yang berwibawa," katanya semalam semasa sesi pendaftaran di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr Zambyr Abdul Kadir turut menghubungi secara panggilan video seorang pelajar baharu UPSI, Nik Mohamad Alis Nik Ab Rashid yang bakal mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Rumah Tangga hidup bersendirian tanpa ibu bapa sejak berusia 17 tahun.

Beliau menasihat Nik Mohamad Alis agar tetap bersemangat belajar walaupun menghadapi ujian berat.

Prihatin terhadap situasi hidup Nik Mohamad Alis, UPSI menerusi Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) menyediakan bantuan yuran pendaftaran dan pengajian. Yayasan Perkasa Siswa (YPS), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut memberi Bantuan Pendidikan Awal kepada 15 pelajar baharu UPSI yang berada dalam kategori B40 dan memerlukan bantuan kewangan untuk hadir dan mendaftar diri di UPSI.

Mereka masing-masing mendapat sumbang RM1000 bagi memastikan pengajian mereka dapat dimulakan seperti pelajar baharu yang lain. Dr Zambyr menasihati semua pelajar agar belajar rajin-rajin dan berharap UPSI akan terus membantu mereka yang menghadapi masalah kewangan bagi memastikan kebijakkannya terjaga sepanjang pengajian.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor ( Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Dr Norkhalid Salimin berkata proses pendaftaran yang bermula seawal 7.30 pagi berjalan lancar dengan kerjasama 180 sukarelawan Rakan Minggu Intelektual dan Interaksi Anak Kandung Suluh Budiman (MILLENNIA) bersama Bahagian Keselamatan UPSI. Menurut beliau pelajar baharu dijadualkan mengikuti Minggu Orientasi pada 29 dan 30 September yang bertujuan memperkenalkan budaya universiti, ekosistem akademik dan kehidupan kampus, selain membina jaringan persahabatan sesama mahasiswa. Widad Saidin, 20, dari Kota Bharu, Kelantan yang hadir bersama keluarganya berjaya ditawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknologi Reka Bentuk di bawah Fakulti Teknikal dan Vokasional ( FTV) bersyukur dapat belajar dalam bidang berkenaan. Dia yang ingin mewarisi kerjaya ibunya seorang pesara guru prasekolah di Sekolah Kebangsaan Seberang Pasir Mas, Noriana Omar, 57, berazam untuk menjadi pelajar yang aktif sepanjang pengajian demi UPSI," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## UPSI, Amanzholov University Meterai MoU Perkuuh Kerjasama Akademik Antarabangsa

Tanjong Malim, 24 September

- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Amanzholov University, Kazakhstan bagi memperkuuh jaringan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pemeteraian MoU itu melambangkan aspirasi bersama untuk mengembangkan perkongsian ilmu, meningkatkan program dwi ijazah, memperluas mobiliti pelajar serta memperkuuh kerjasama penyelidikan strategik antara kedua-dua institusi. "Kerjasama ini memberi peluang luas dalam bidang Pendidikan, Sains, Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kecerdasan Buatan (AI) serta Sains Sosial.

"Melalui inisiatif ini, kita dapat menghasilkan penerbitan berimpak tinggi dan memperkuuh permohonan geran antarabangsa," katanya ketika menyempurnakan majlis itu di Bilik Seminar, Fakulti Sains dan Matematik, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI.

"Dengan adanya MoU ini, ia akan menjadi kerangka yang lebih kukuh untuk memacu pelbagai program strategik termasuk mobiliti pelajar, program dwijazah, pertukaran akademik, seminar, bengkel, forum akademik serta penyelidikan bersama," ujar beliau.

Sementara itu, Rektor Amanzholov University, Profesor Mukhtar Tolegen menyifatkan pemeteraian MoU itu sebagai langkah penting dalam memperluas kerjasama antarabangsa universiti berkenaan, khususnya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan.

## UPSI Anjur Syarahan Utama Perkuuh Kelestarian Warisan Adat Iban

Kuching, 25 September - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini menganjurkan Majlis Syarahan Utama Jaku Tangkai Mengandai di Auditorium Borneo Cultures Museum, sebagai usaha memperkuuh pemeliharaan warisan bahasa dan budaya etnik Sarawak, khususnya masyarakat Iban.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Premier Sarawak, Datuk Sri John Sikie Anak Tayai yang menegaskan kepentingan bahasa dan budaya sebagai nadi pembentukan bangsa.

"Tanpa bahasa, tiadalah identiti; tanpa budaya, tiadalah akar,"

katanya sambil berharap program itu mampu menyalaikan semangat baharu dalam memperjuangkan kelestarian warisan.

Ikon adat Iban, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang, yang menyampaikan syarahan utama, mengupas falsafah hidup, kebijaksanaan serta nilai moral dalam warisan intelektual masyarakat Iban.

Beliau turut menyeru pemimpin, sarjana dan masyarakat agar berganding bahu memastikan khazanah budaya itu terus hidup dan diwarisi.

## Counseling Management Solutions

INTEGRATED GUIDANCE & COUNSELING TRAINING MODULE



## Prodigy Jadi Harapan Tamatkan Buli di Sekolah

**Tanjong Malim** - Isu buli di sekolah terus merisaukan apabila ramai murid menjadi mangsa trauma, hilang keyakinan diri dan hidup dalam ketakutan berpanjangan. Lebih membimbangkan, budaya senioriti terutama di sekolah berasrama menjadikan gejala ini sukar dibendung meskipun pelbagai kempen dijalankan.

Kajian menunjukkan kelemahan utama usaha membanteras buli ialah pelaksanaan garis panduan yang tidak menyeluruh. Ada sekolah giat menggerakkan program antibuli namun tidak kurang juga yang sekadar melaksanakan secara formaliti tanpa hasil jelas.

Guru bimbingan dan kaunseling pula sering terbeban dengan tugas pentadbiran hingga tidak dapat memberi tumpuan penuh. Akibatnya, ramai mangsa masih takut untuk membuat laporan

kerana bimbang dibalas dendam.

Sikap segelintir ibu bapa yang tetap menyebelahi anak walaupun terbukti bersalah turut menjadi cabaran besar. Ada yang menganggap buli perkara biasa di asrama malah ada juga yang menolak laporan guru kerana terlalu percaya kepada anak mereka. Menurut Teori Pilihan Dr William Glasser, setiap manusia digerakkan oleh lima keperluan asas – kasih sayang, kuasa, kebebasan, keseronokan dan kelangsungan hidup. Pembuli biasanya mencari kuasa serta perhatian kerana merasakan diri lemah atau terpinggir. Mangsa pula sering kurang sokongan emosi yang menyebabkan trauma mereka semakin parah.

Bagi menangani isu ini, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkenalkan PRODIGY, program penyelidikan berdasarkan psikologi dan kaunseling yang membina ekosistem kasih sayang

di sekolah. Berbeza dengan pendekatan hukuman semata-mata, PRODIGY menekankan nilai empati melalui aktiviti mentor-mentee, bengkel kawalan emosi, latihan empati dan program sukarelawan.

Pendekatan ini melibatkan guru, ibu bapa, rakan sebaya dan komuniti bagi memastikan sekolah benar-benar menjadi ruang selamat. Guru Bimbingan dan Kaunseling bersama Guru Disiplin juga digabungkan untuk memberi fokus kepada pemulihan, intervensi krisis, pencegahan serta pembangunan sahsiah murid.

Hakikatnya, buli bukan sekadar masalah disiplin, tetapi cerminan jiwa yang gagal dipenuhi dengan cara sihat. Dengan inovasi seperti PRODIGY, sekolah diyakini mampu melahirkan generasi pelajar yang lebih berani, berempati dan bebas daripada budaya buli.



Majlis Sembang Kembara Dunia:  
100 Hari, 15 Negara, 1 Misi



Majlis Pra Persaraan Kakitangan  
Universiti Pendidikan Sultan  
Idris Tahun 2025



Abang Pelajar Baharu UPSI  
Meninggal Dunia dalam Perjalanan  
Pendaftaran



Rakan Millenia Perkasa  
Semangat Anak Kandung Suluh  
Budiman

